



## KENYATAAN AKHBAR

### **LATIHAN BAGI *ROLE OF CLEAN AND HYGIENIC PUBLIC TOILETS IN THE TOURISM INDUSTRY OF BRUNEI DARUSSALAM***

**27hb Mac 2021,  
Bilik VIP, Tingkat 1  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan kerjasama SEAMEO Regional Centre for Vocational and Technical Education and Training (SEAMEO VOCTECH) baru-baru ini telah tamat mengendalikan latihan-latihan bagi *Role of Clean and Hygienic Publics Toilets in the Tourism Industry of Brunei Darussalam* iaitu sebanyak empat sesi. Latihan bagi *Role of Clean and Hygienic Publics Toilets in the Tourism Industry of Brunei Darussalam* ini telah diberikan kepada restoran-restoran, gedung-gedung membeli belah, pos-pos kawalan, pasar-pasar, tamu-tamu dan pantai-pantai. Seramai 61 orang peserta telah menyertai latihan tersebut yang terdiri daripada pemilik-pemilik, pengurus-pengurus, penyelia-penyelia dan kakitangan kerajaan yang berkenaan.

Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada *stakeholders* yang berkenaan mengenai kebersihan tandas awam dan tatacara pembersihan tandas yang berkesan dengan menggunakan amalan terbaik. Seterusnya latihan ini dapat mengajar peserta-peserta mengurangkan ancaman pencemaran dan menjaga persekitaran tandas awam yang lebih bersih, *hygenic* dan selamat untuk digunakan oleh para pelancong dan masyarakat umum, lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik Covid-19 pada masa ini. Latihan yang berbentuk amali dan praktikal ini telah disampaikan oleh Dayang Norhayati Cynthia Abdullah, Pengurus Perkembangan Latihan dan Profesional dari SEAMEO VOCTECH. Selain itu peserta-peserta juga turut belajar tentang cara pengurusan tandas yang lebih efektif serta mengamalkan pengurusan air dan pelupusan sisa yang betul bagi memastikan semua peralatan dan kemudahan yang disediakan adalah bersesuaian disamping menyediakan tenaga kerja yang khusus untuk mengendalikan tandas. Antara program latihan ialah lawatan-lawatan ke Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang mana kedua-dua tempat tersebut adalah sebagai tandas contoh yang telah dinilai mendapat Gred "A" hasil dari pengauditan tandas yang telah dijalankan oleh Unit Standard dan Pematuhan, Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan amat mengambil berat terhadap kebersihan tandas-tandas awam terutama sekali di lokasi-lokasi yang sering dikunjungi oleh pelancong-pelancong dan orang ramai. Pada tahun lepas, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah melaksanakan pengauditan tandas awam secara berterusan bagi sebanyak 58 tandas awam di seluruh Negara dan telah membuat penilaian pengredan terhadap tandas-tandas tersebut. Pengauditan dan pemarkahan dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu 1) *Design and Environmental Management System*; 2) *Amenities and Facilities*; 3) *Cleanliness and* 4) *Safety* yang mana berpandukan daripada *Audit Checklist of ASEAN Public Toilet Standard*. Hasil daripada 58 tandas awam yang telah dibuat pengauditan tersebut, 28 tandas telah dinilai Gred "A" dan "B" manakala 30 tandas telah dinilai Gred "C" dan ke bawah.



Dalam kesempatan ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan sukacita ingin mengingatkan kepada orang ramai agar sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan yang betul dan efektif bagi sama-sama dapat memastikan menjaga imej pelancongan negara yang mampan dan terpelihara. Cara-cara pembersihan yang diterapkan dalam latihan *Role of Clean and Hygienic Publics Toilets in the Tourism Industry of Brunei Darussalam* ini boleh digunakan sebagai garis panduan dan pelajaran untuk menjaga kebersihan umum disamping membendung orang ramai dan pengguna daripada pandemik dan penyakit-penyakit yang berjangkit. Disamping itu, latihan ini juga akan diharap memberikan pelajaran kepada peserta-peserta latihan untuk mewujudkan pelancongan yang lebih berdaya tahan, mampan dan inklusif dalam industri pelancongan negara.